

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN  
KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT  
[ BETONG ]  
TARIKH : 23.11.2020 (ISNIN)

**SOALAN NO. 3**

Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah kejayaan Program Francais di Sarawak; dan
- (b) apakah usaha Kementerian untuk mempergiatkan lagi penglibatan usahawan muda dalam bidang francais.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat sebanyak **sembilan (9)** buah syarikat francaisor yang berasal dari Negeri Sarawak serta memiliki **98** buah outlet di seluruh Malaysia dan 83 buah outlet daripada jumlah berkenaan beroperasi di Sarawak. Salah satu daripada jenama francais Sarawak iaitu

## NO SOALAN : 3

Sugar Bun, juga telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa melalui 11 buah outlet di luar negara iaitu Brunei (9 buah outlet), Australia (1 buah outlet) dan Bangladesh (1 buah outlet).

Selain itu, terdapat **lapan (8)** francaisor lain daripada jenama tempatan dan antarabangsa yang membuka 16 outlet di Sarawak.

Industri francais di Sarawak telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat dan menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi rakyat setempat.

KPDNHEP giat membuat promosi secara berterusan bagi membangkitkan kesedaran dan penglibatan usahawan muda dalam bidang francais. Siri Jelajah Francais Bay yang diadakan di seluruh negara turut digerakkan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat, golongan usahawan, serta para pelajar IPTA dan IPTS.

Tuan Yang Dipertua

Bagi menjawab soalan kedua yang diajukan oleh Yang Berhormat Betong, Kerajaan menyediakan Skim Pinjaman Kecil Francais (SPKF) yang menawarkan pembiayaan sehingga **RM50,000.00** bagi membantu kemasukan golongan muda ke dalam industri francais. Melalui skim ini, mereka berpeluang untuk menceburi bidang perniagaan dengan

### **NO SOALAN : 3**

menjalankan perniagaan francais mikro dan mampu milik yang ditawarkan oleh francaisor.

KPDNHEP berpandangan bahawa masih terdapat banyak ruang dan peluang untuk mengembangkan industri francais bukan sahaja di Negeri Sarawak bahkan di seluruh Negara dan akan terus mempergiatkan lagi aktiviti mempromosikan dan membangunkan industri francais ini di peringkat domestik dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.